

Headline	Majlis Syura mampu selamatkan Pas		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Jan 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Mahkamah	Color	Full Color
Page No	2	ArticleSize	169 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 930	PR Value	RM 2,789



## Majlis Syura mampu selamatkan Pas

SHAH ALAM – Perbezaan pendapat di antara pemimpin Pakatan Rakyat (PR), dalam isu kalimah ALLAH dilihat mampu dipulihkan setelah Majlis Syura Pas yang bermesyuarat Ahad lalu, memutuskan kalimah ALLAH tidak boleh digunakan dalam Bible versi bahasa Melayu.

Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, tindakan Majlis Syura dilihat dapat menyelamatkan keadaan terutamanya selepas ramai melakukan bantahan terhadap isu tersebut.

Beliau berkata, keputusan itu juga dapat menyelamatkan Pas yang daripada terus kehilangan undi menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13).

Katanya, isu itu melibatkan akidah umat Islam dan tidak boleh dipandang ringan setelah penyokong Pas sendiri

“Isu itu melibatkan akidah umat Islam dan tidak boleh dipandang ringan setelah penyokong Pas sendiri turut membantah kalimah ALLAH digunakan orang bukan Islam.

**Mohd Azizuddin**

turut membantah kalimah ALLAH digunakan orang bukan Islam.

“Ia bukan isu politik tetapi lebih kepada akidah. Keputusan Majlis Syura dilihat dapat meredakan kebimbangan orang Melayu sehingga ada pemimpin Pas sanggup meletak jawatan demi mempertahankan kalimah ALLAH,” katanya.

Beliau berkata sedemikian ketika mengulas keputusan mesyuarat Majlis Syura, yang memutuskan kali-

mah ALLAH tidak boleh digunakan dalam Bible versi bahasa Melayu kerana tidak menepati kehendak sebenar kalimah ini.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Kajian Komunikasi Fakulti Sains Sosial Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Dr Jeniri Amir berkata, keputusan Majlis Syura dilihat tepat pada masanya untuk mengawal situasi isu tersebut daripada terus memberikan pelbagai persepsi negatif terhadap Pas.

Walau bagaimanapun, beliau berkata, keputusan Majlis Syura itu hanya memberi kesan kepada ahli Pas dan penyokong PR di semenanjung sahaja kerana di Sabah dan Sarawak situasinya berbeza.

“Di Sabah dan Sarawak kalimah ALLAH telah digunakan sejak berkurun lalu dan mungkin Pas akan menempuhi laluan sukar bagi mendapatkan kepercayaan masyarakat setempat,” katanya.